

# Ajaran Islam ditingkatkan

29 OCT 1988

KUALA LUMPUR, Jumaat — Kerajaan akan memberi tumpuan kepada gerakan dakwah supaya orang Melayu dan umat Islam menjadikan pegangan Islam sebagai benteng dalam mengejar kemajuan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi mencapai tujuan itu, Perdana Menteri berkata, peruntukan serta kakitangan yang lebih akan disediakan untuk pelajaran agama, dakwah Islamiyah serta latihan rohaniah.

Menurutnya, kerajaan juga akan mengkaji semula sumbangan dan kekesan institusi pelajaran agama, daripada taman asuhan sehinggalah ke universiti, kepada pembentukan umat Islam yang benar-benar berpegang kepada ajaran Islam.

Ini untuk menentukan kesesuaiannya dengan kehendak Islam yang sebenar dan bukan kehendak kumpulan-kumpulan tertentu.

"Penyempurnaan yang sedang berlaku mesti dihapuskan," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar di Perhimpunan Agung Umno di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, imbalan akan diberikan kepada ilmu-ilmu duniawi dengan bekalan untuk akhirat, seperti yang dituntut oleh Islam.

Beliau berkata, ekoran pelbagai gejala yang menimpa negara-negara maju, amatlah penting umat Islam ditanam dengan ajaran Islam sebenar.